

Sebagai langkah kurangkan pengangguran — PM Kita sedia benarkan penubuhan firma asing tanpa ekuiti tempatan

KUALA LUMPUR 17 Nov. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata kerajaan sedia membenarkan pelabur - pelabur luar negeri menubuhkan syarikat yang sahamnya dimiliki sepenuhnya oleh mereka di negara ini sebagai langkah untuk mengurangkan kadar pengangguran yang mencapai tahap 570,000 orang tahun ini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak kira sangat sama ada pelaburan luar negeri itu disertai sama oleh rakyat Malaysia atau tidak kerana yang pentingnya ialah penyediaan peluang - peluang pekerjaan.

Kita adakan berbagai - bagai tarikan untuk para pelabur dan mengurangkan syarat - syarat untuk pelaburan supaya lebih ramai dapat masuk menjalankan kegiatan perniagaan mereka di sini.

“Kita juga adakan seminar untuk pelabur - pelabur dari negara - negara Arab, Taiwan, Jepun, Korea Selatan, Amerika Syarikat dan Eropah semata - mata untuk menggalakkan pelaburan dan menambahkan peluang pekerjaan,” kata beliau.

Perdana Menteri berkata demikian ketika bercakap kepada para pemberita selepas merasmikan konvensyen kesembilan Persatuan Ekonomi Malaysia di Hotel Shangri-La hari ini.

Menurut beliau, walaupun pelaburan dalam negeri swasta didapati meningkat, kadar pengangguran dijangka mencapai tahap 9.1 peratus dari jumlah bilangan pekerja melibatkan 570,000 orang tahun ini.

Bilangan tersebut kata beliau meliputi golongan siswazah dan bukan siswazah. Perdana Menteri juga berkata bahawa

langkah lain untuk mengatasi masalah pengangguran ini ialah dengan mengurangkan gaji.

Dalam keadaan ini kita tidak ada banyak duit tetapi mempunyai pilihan sama ada mahu mengekalkan tahap gaji yang tinggi dan bilangan pekerjaan yang kurang atau mengurangkan gaji dan menambahkan bilangan pekerjaan.

Sebagai contoh sekarang oleh kerana ramai siswazah sanggup dibayar \$600 sebulan ramai di kalangan mereka sudahpun diambil bekerja.

“Kalau mereka masih menekankan tentang gaji mereka seperti biasa, saya yakin tidak separuh pun akan diambil bekerja,” tegas Datuk Sri Dr. Mahathir. Katanya, kerajaan tidak mampu lagi untuk menambahkan bilangan pekerja kerana tidak boleh membayar mereka.